

Dua cabaran utama penswastaan

9 OCT 1993

Oleh Azhar Abu Samah, Ahmad Shauqi dan Mohd Shah Abdullah

KUALA LUMPUR, Jumaat — Kekurangan infrastruktur dan tekanan bagi mengawal inflasi ialah dua cabaran utama bagi memastikan proses penswastaan dapat dijalankan dengan sempurna, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, negara perlu peka terhadap dua cabaran itu dan tahu bagaimana untuk bertindak menangani masalah itu.

"Malaysia menyedari dua cabaran itu perlu diberi perhatian serius kerana pada 1990, negara menerima pelaburan RM40 bilion tetapi terpaksa menggunakan 10 peratus daripadanya semata-mata untuk menyediakan kemudahan infrastruktur.

"Inflasi juga perlu dikawal sehingga ke paras paling minimum dan saya yakin kita boleh mengekangnya ke paras kosong peratus.

"Walaupun ramai berpendapat ia adalah mustahil tetapi saya tidak dapat menerima wujudnya inflasi," katanya dalam perbincangan panel Persidangan Kebangsaan Penswastaan: Cabaran Masa Depan, di sini, hari ini.

Persidangan dua hari itu dianjurkan bersama oleh PNB Corporate Development Sdn Bhd dan Persatuan Bank-Bank Saudagar di Malaysia.

Sesi perbincangan itu dipengerusikan oleh Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Abdul Khalid Ibrahim. Lima ahli panel lain ialah Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Berhad, Tan Sri Ani Arope; Penasihat Bank Negara, Dr Zainal Aznam Mohd Yusof; Pengarah Jabatan Pengawasan Syarikat Sektor Awam di Kementerian Kewangan, Nik Mohd Affandi Nik Yusoff; Presiden Fomca, Mohd Hamdan Adnan dan Pengarah Kewangan Kleinwort Benson Limited, David WA Loyd.

Perdana Menteri turut menasihatkan syarikat supaya tidak mengenakan bayaran tinggi terhadap perkhidmatan kerana ia akan menyumbang kepada kenaikan kos dan kadar inflasi.

"Bayaran tinggi bukan bererti syari-

Masih ramai pelabur berminat

DARI MUKA 1

B.H-9 OCT 1993

kat berkenaan untung kerana ia terpaksa menanggung kos tambahan untuk memberikan perkhidmatan dan gaji pekerja sebagai ganjaran tambahan," katanya.

Beliau berkata, bayaran hanya patut dikenakan jika syarikat itu mempunyai alasan kukuh untuk berbuat demikian.

Ketika menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata, walaupun Malaysia bersuara lantang di arena politik antarabangsa, masih ramai pelabur yang berminat datang ke sini kerana kestabilan politik dan undang-undang yang tegas bagi memelihara ketenteraman awam.

Menurutnya, kritikan Malaysia terhadap kerajaan barat dan kumpulan alam sekitar juga tidak akan menjejaskan kemasyarakatan pelaburan asing ke negara ini.

"Ahli perniagaan tetap datang ke sini jika ia membawa keuntungan kepada mereka tanpa mengira sikap dan pendirian kerajaan," katanya.

Menurutnya, ahli perniagaan hanya berminat kepada negara yang politiknya stabil dan tidak terpengaruh dengan perkara lain, termasuk undang-undang seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana kewujudan akta itu menguntungkan pelaburan mereka.

Bagi tujuan itu, katanya, kerajaan sentiasa menekankan perlunya un-

dang-undang yang mantap seperti ISA bagi memastikan kestabilan politik dan menghalang mana-mana pihak daripada berbuat sesuka hati serta menjamin keharmonian antara kaum.

"Jika rakyat sering merusuh, ahli perniagaan asing tidak akan datang dan melabur di sini," katanya.

Dr Mahathir berkata, segelintir pihak yang menggelarkan diri sebagai kumpulan ekologi mengkritik Malaysia dan mendakwa berjuang bagi alam sekitar, sebenarnya mempunyai tujuan politik tersendiri.

Menurutnya, kerajaan tidak bimbang perkara itu kerana walaupun hanya sebuah negara kecil, ia mampu menawarkan kon-

trak bernilai beratus juta ringgit kepada ahli perniagaan asing.

"Jika mereka tidak bersikap baik dengan kita, kita tidak akan memberikan mereka kontrak," katanya.

Ditanya sama ada dasar penswastan itu memberi kesan ke atas penduduk luar bandar, Perdana Menteri, berkata penduduk terbabit tidak mengalami sebarang kerugian, sebaliknya mendapat perkhidmatan yang jauh lebih baik.

"Setakat ini kita tidak menerima aduan daripada penduduk kampung bahawa penswastan menjejaskan mereka. Mereka nampaknya sudah dapat menerima dasar ini," katanya.

Seorang peserta bertanya mengenai kemungkinan dasar penswastan menyebabkan berlakunya monopoli oleh syarikat besar.

Dr Mahathir berkata, keadaan itu tidak berlaku kerana penswastan masih membuka ruang untuk persaingan seperti pengguna telefon yang bukan sahaja boleh mendapat perkhidmatan dari Telekom tetapi juga syarikat lain yang beroperasi.

Menurutnya, bagaimanapun kerajaan tidak mahu wujudnya persaingan yang tidak sihat sehingga ada syarikat kecil yang tidak mampu bersaing terpaksa menanggung kerugian.